

**Kertas Bil. 3/2025**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN,  
INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK - INFRAGRO)  
BERHUBUNG ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

# **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

## **1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Air, Pertanian, Infrastruktur dan Mobiliti (JPK-INFRAAGRO) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Kelima Belas Tahun 2025 pada 18 hingga 21 Februari 2025, 24 hingga 28 Februari 2025 dan 3 Mac 2025.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Pada mesyuarat JPK-INFRAAGRO Bil. 17/2024, Jawatankuasa telah bersetuju untuk meneliti isu banjir di Negeri Selangor. Jawatankuasa bersetuju untuk memohon maklumat tambahan daripada semua pihak dan agensi untuk penelitian lanjut. Jawatankuasa memutuskan untuk memanggil Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan sembilan (9) Pejabat Daerah Dan Tanah untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai rancangan tebatan banjir. Jawatankuasa juga telah menjemput ADN-ADN kawasan untuk sesi taklimat dengan agensi/jabatan agar mereka dapat memberikan input mereka juga. Jawatankuasa bersetuju untuk membuat satu penyata mengenai isu banjir di Negeri Selangor dan membentangkan penyata tersebut.
- 2.2. Jawatankuasa telah mengadakan **tiga (3) sesi taklimat** bersama JPS Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah seperti dalam **Lampiran 2**.
- 2.3. Selepas pendengaran tertutup dengan semua agensi/jabatan, Jawatankuasa telah memberikan senarai kawasan hotspot dan kawasan risiko banjir yang disediakan oleh pihak JPS, PBT dan PDT kepada ADN-ADN kawasan. Jawatankuasa telah memohon kepada semua ADN kawasan untuk menyemak senarai tersebut dan memberikan kawasan hotspot/risiko banjir yang tiada dalam

## **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

senarai yang disediakan oleh pihak JPS, PBT dan PDT. Senarai kawasan yang diberikan oleh ADN-ADN disenaraikan di **Lampiran 3**.

2.3. Ahli Jawatankuasa yang terlibat adalah:

- i. Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze  
(N31 Subang Jaya)
- ii. Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri  
(N46 Pelabuhan Klang)
- iii. Y.B. Tuan Leong Tuck Chee  
(N47 Pandamaran)
- iv. Y.B. Tuan Muhammad Izuan Bin Ahmad Kasim  
(N39 Kota Damansara)
- v. Y.B. Tuan Nushi Bin Mahfodz  
(N24 Semenyih)
- vi. Y.B. Tuan Jefri Bin Mejan  
(N11 Ijok)
- vii. Y.B. Tuan Mohd Rafiq Bin Mohd Abdullah  
(N13 Kuang)

# PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR

---

## 3. KETERANGAN DARI JABATAN YANG DIPANGGIL

3.1. Rumusan daripada taklimat/pendengaran tertutup dengan semua agensi/jabatan adalah seperti berikut:-

3.1.1. Tafsiran kawasan hotspot banjir dan kawasan risiko banjir yang digunakan oleh semua agensi/jabatan adalah seperti berikut:

**Kawasan Hotspot Banjir:** Kawasan di mana bencana banjir berlaku lebih daripada tiga (3) kali setahun dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

**Kawasan Berisiko Banjir:** Ditentukan berdasarkan kawasan yang pernah mengalami banjir dalam tempoh tiga (3) tahun dan dianggap berisiko untuk terjadinya banjir pada masa akan datang.

3.1.2. Senarai kawasan hotspot banjir, punca banjir, infrastruktur mitigasi yang dibuat dan status kemajuan projek bagi setiap daerah adalah seperti dalam **Lampiran 4**.

3.1.3. Antara punca kejadian banjir yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- a. Taburan hujan yang tinggi
- b. Air pasang besar
- c. Benteng sungai roboh
- d. Kawasan tanah rendah
- e. Kawasan berhampiran sungai
- f. Kenaikan paras air sungai
- g. Penyelenggaraan parit yang tidak menyeluruh
- h. *Culvert* yang kecil dan tersumbat menghalang aliran air
- i. Peralihan monsun
- j. Halangan pada sistem saliran (sampah/bahan terbuang)
- k. Longkang/sungai telah dipenuhi keladak
- l. Kesan *backflow* air

- n. Ban pecah
- o. Kesan pembangunan sekeliling (jalan baru, jiran baru)

3.1.4. Rumusan maklumat yang diperolehi adalah seperti berikut:-

Terdapat **79** hotspot banjir di seluruh Negeri Selangor dan **354** berisiko banjir. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Hotspot	Kawasan Berisiko Banjir
Sabak Bernam	2	11
Klang	12	27
Petaling	14	52
Gombak	9	35
Hulu Langat	13	55
Kuala Langat	6	27
Sepang	16	42
Kuala Selangor	10	43
Hulu Selangor	0	12
<b>Jumlah</b>	<b>79</b>	<b>354</b>

3.1.5. Sejumlah RM147,570,778.05 telah dibelanjakan untuk **12** projek infrastruktur mitigasi, di mana telah siap sepenuhnya (**Lampiran 4**);

3.1.6. RM4,467,800,000.00 akan dibelanjakan untuk **48** projek infrastruktur mitigasi, yang masih pada peringkat pra-pelaksanaan (**Lampiran 4**); dan

3.1.7. **58** projek infrastruktur mitigasi belum dinilai (**Lampiran 4**).

- 3.1.8. Berdasarkan data taburan hujan (**Lampiran 5**) yang diberikan oleh pihak JPS boleh dirumuskan bahawa:

Pada tahun 2023, jumlah purata hujan adalah 2401mm dimana taburan hujan yang tertinggi adalah pada bulan Disember dengan jumlah taburan hujan sebanyak 330mm.

Pada tahun 2024, jumlah purata hujan adalah sebanyak 2121mm dimana taburan hujan yang tertinggi adalah pada bulan November dengan jumlah taburan hujan sebanyak 293mm.

- 3.1.9. Berdasarkan Rekod Jumlah Taburan Hujan di setiap daerah di negeri Selangor untuk tempoh 10 tahun (2015 hingga 2024) yang disediakan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, ianya boleh dilihat bahawa (**Lampiran 4**):

Di beberapa daerah, maklumat taburan hujan tahunan tidak lengkap, seperti di stesen FRIM Kepong, daerah Gombak di mana tiada data taburan hujan tahunan yang tersedia.

Selain itu, didapati juga taburan hujan tahunan menunjukkan peningkatan di beberapa daerah seperti di daerah Klang, Subang, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

3.2. Penjelasan oleh pihak agensi/jabatan adalah seperti berikut:

**3.2.1. JPS Negeri Selangor**

- i. Pihak JPS telah menjelaskan bahawa antara punca banjir di negeri Selangor adalah disebabkan oleh sistem peparitan yang tidak sistematik.
- ii. JPS menjelaskan bahawa mereka kekurangan penguatkuasa yang menjadi kekangan kepada mereka.
- iii. Pihak JPS telah menyenaraikan projek-projek RTB yang mempunyai kemajuan projek yang lewat. Berikut adalah senarainya:
  - a. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kembong, Pulau Indah
  - b. Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang di bawah Projek RTB Sungai Kembong
  - c. Membina kolam takungan banjir di Lebuhraya Shapadu bersebelahan Taman Mutiara Bukit Raja
  - d. Rancangan Tebatan Banjir, Anak Sungai Damansara
  - e. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Sijangkang
  - f. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh, Selangor.

**3.2.2. PDT Klang, JPS Klang dan Majlis Bandaraya Daerah Klang (MBDK)**

- i. JPS Klang menghadapi kekangan kewangan dan juga kekurangan kakitangan.
- ii. Pihak JPS Klang telah menjelaskan bahawa pada tahun 2009 satu *master plan* dibuat bagi keseluruhan kawasan Klang dan mendapati bahawa RM1.2 billion diperlukan untuk menaik taraf sistem saliran di Klang.

## **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

- iii. Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) sedang dijalankan yang kini berada dalam peringkat ukur dan dijangka akan siap pada tahun 2025.

### **3.2.3. PDT Hulu Selangor**

- i. Hanya ada 1 Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) iaitu RTB Batang Kali yang sedang dijalankan. Lokasi RTB Batang Kali di sepanjang Sungai Batang Kali bermula dari kawasan Kampung Genting Malek ke kawasan bersebelahan Desa Batang Kali.
- ii. Pelaksanaan RTB Batang Kali terbahagi kepada dua fasa. Fasa 1 dalam pembinaan dan dijangka akan tamat pada 12 Disember 2024. Skop kerja Fasa 1 adalah untuk melebarkan sungai dan memperkukuhkan tebing sungai. Fasa 2 akan dimasukkan dalam RMK 13 dimana merangkumi pengambilan tanah dan pembinaan kolam takungan banjir.

### **3.2.4. PDT Sabak Bernam dan JPS Sabak Bernam**

- i. Pihak PDT Sabak Bernam telah menaikkan ketinggian ban sekitar 3.8 meter sebagai langkah mitigasi banjir di kawasan Sabak Bernam.

### **3.2.5. PDT Gombak dan JPS Gombak**

- i. Terdapat 19 kawasan di Gombak yang mengalami banjir kilat pada tahun 2024.
- ii. Antara isu yang dihadapi PDT Gombak adalah paip utiliti yang dipasang tanpa kelulusan oleh pihak PDT dimana menyebabkan banjir di kawasan tersebut. PDT Gombak juga menghadapi isu bidang kuasa seperti isu milikan parit dan longkang antara agensi/jabatan.



## **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

- iii. Terdapat 7 projek yang dijalankan bagi mengatasi isu banjir di kawasan Gombak.

### **3.2.6. PDT Sepang dan JPS Sepang**

- i. Terdapat 16 kawasan hotspot banjir di daerah Sepang, namun hanya 7 kawasan yang mengalami banjir pada 2024. Trend banjir tahun ini menunjukkan penurunan berbanding tahun lepas.

### **3.2.7. PDT Hulu Langat, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan JPS Hulu Langat**

- i. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah luluskan projek-projek untuk kawasan Kampung Sungai Kantan, Dutamas dan Taman Sri Nanding dimana kini dalam proses tender.
- ii. Isu pembangunan seperti isu lot lidi dan juga pembinaan jalan raya EKVE juga mengakibatkan banjir di kawasan Hulu Langat. Kawasan sekitar pembinaan jalan raya EKVE berlaku banjir kerana saluran longkang sekitarnya tersumbat.

### **3.2.8. PDT Kuala Langat, Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dan JPS Kuala Langat**

- i. Terdapat 3 RTB projek untuk kawasan Kuala Langat. Projek RTB Sungai Sijangkang sepatutnya siap pada 22 November 2024. Namun, disebabkan oleh kegagalan kontraktor, projek tersebut masih belum disiap lagi dan EOT diberikan sehingga 16 Julai 2025.

## **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

### **3.2.9. PDT Petaling, JPS Petaling dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)**

- i. JPS Petaling telah memaklumkan mengenai senarai projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang sedang dilaksanakan. Walaupun peruntukan untuk semua projek telah diterima, terdapat beberapa projek RTB yang mengalami masalah disebabkan oleh isu pengambilan tanah.

## **4. PENEMUAN JAWATANKUASA**

- 4.1. **Tiada Kajian Menyeluruh.** Kajian berkenaan rancangan mitigasi banjir hanya dijalankan secara berasingan oleh agensi yang melaksanakannya sahaja. Tiada satu kajian menyeluruh bagi seluruh Negeri Selangor untuk mengenalpasti hubungkait banjir antara daerah, corak taburan hujan, ramalan taburan hujan, kos keseluruhan yang diperlukan untuk menoktahkan masalah banjir untuk seluruh negeri.
- 4.2. **Isu sistemik.** Jawatankuasa mendapati bahawa tiada satu maklumat / data yang lengkap mengenai pengurusan banjir oleh agensi/jabatan.
  - 4.2.1. Merujuk kepada pendengaran tertutup yang diadakan, didapati bahawa terdapat agensi/jabatan tidak dapat memberikan maklumat/data yang lengkap mengenai kawasan hotspot, punca banjir dan maklumat lengkap infrastruktur mitigasi banjir.
  - 4.2.2. ADN-ADN kawasan memaklumkan bahawa terdapat beberapa kawasan banjir yang tidak disenaraikan oleh agensi/jabatan.
  - 4.2.3. Terdapat beberapa agensi/jabatan yang tidak mempunyai senarai maklumat terperinci aset-aset seperti kolam takungan, pam, parit dan kunci air.

## **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

- 4.3. **Isu pembangunan.** Didapati bahawa projek-projek pembangunan, terutamanya '*pocket development*', yang dilaksanakan tanpa membuat pelan sistem saliran air yang berhubung kait dengan kawasan sekitar dan hanya '*tapping*' ke dalam longkang berdekatan, yang membawa kepada masalah banjir di kawasan sekitarnya.
- 4.4. **Punca kelewatan pembinaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB):**
- 4.4.1. Terdapat beberapa projek yang mempunyai status kemajuan projek yang lewat disebabkan oleh kegagalan kontraktor untuk mengikuti jadual pembinaan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
- 4.4.2. Kerajaan Negeri tidak dapat menukar kontraktor yang gagal menyiapkan projek dengan mudah kerana obligasi kontrak, kos yang tinggi yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri, proses yang rumit untuk menamatkan kontraktor sedia ada, dan seterusnya memilih dan melantik kontraktor baharu.
- 4.4.3. Syarat-syarat dalam kontrak pembinaan projek infrastruktur kerajaan, terutamanya yang berkaitan dengan projek mitigasi banjir, perlu disemak semula supaya lebih berpihak kepada kepentingan awam.
- 4.5. **Kekurangan pemantauan.** Jawatankuasa mendapati bahawa tiada jawatankuasa khas bagi memantau kemajuan setiap projek yang dilaksanakan.
- 4.6. **Isu bidang kuasa antara agensi/jabatan.** Terdapat isu bidang kuasa antara agensi/jabatan contohnya:
- 4.6.1. parit tidak bertuan;
- 4.6.2. parit persendirian yang tidak diselenggara; dan pertindihan bidang kuasa milikan parit dan longkang antara agensi/jabatan.

## **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERTHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

4.7. Antara kekangan yang dihadapi oleh pihak agensi/jabatan adalah seperti berikut:

4.7.1. **Isu kewangan** dimana peruntukkan yang diperoleh tidak cukup untuk mengatasi masalah banjir. Ada agensi yang sedang menunggu putaran Rancangan Malaysia (RMK) untuk projek yang diperlukan untuk menyelesaikan hotspot banjir. Kesemua agensi mengesahkan bahawa pendanaan kesemua projek adalah secara konvensional iaitu bahawa projek hanya akan ditender selepas bajet diperolehi.

4.7.2. **Isu kekurangan kakitangan.** Sebagai contoh:

JPS mempunyai waran perjawatan sebanyak 970 orang dan hanya 700 jawatan yang diisi. Tidak cukup pegawai bagi jawatan Pegawai H11, yang bertanggungjawab untuk pembersihan dan pemantauan di lapangan. Akibatnya, JPS mengalami kekangan kekurangan kakitangan dimana jumlah pegawai untuk memantau, melaksanakan kerja pembersihan dan penyelenggaraan di tapak tidak mencukupi.

JPS Klang memaklumkan bahawa tidak cukup kakitangan dimana hanya ada seorang pegawai ditugaskan untuk satu zon kawasan dimana terdapat lima (5) zon kawasan di Klang. Pegawai tersebut yang diamanahkan untuk melaksanakan kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan dan menyelesaikan aduan atau isu yang berbangkit di kawasan tersebut.

4.8. **Tiada data taburan hujan yang komprehensif.** Jawatankuasa mendapati bahawa maklumat taburan hujan yang diberikan oleh pihak JPS dan Jabatan Metrologi Malaysia (MET Malaysia) adalah tidak lengkap, dimana maklumat jumlah taburan hujan di beberapa lokasi tiada. Ketiadaan data yang lengkap dan menyeluruh ini berpotensi menjejaskan ketepatan analisis cuaca serta

## **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

pengurusan bencana banjir, yang boleh menghalang usaha pencegahan dan mitigasi yang lebih berkesan.

### **5. SARANAN JAWATANKUASA**

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri menjalankan satu kajian menyeluruh bagi seluruh negeri untuk mengetahui punca banjir setiap satu kawasan hotspot dan risiko banjir, hubungkait banjir antara daerah, corak taburan hujan, ramalan taburan hujan serta kos keseluruhan yang diperlukan untuk menoktahkan masalah banjir untuk seluruh negeri.
- 5.2. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula pembekalan kewangan bagi projek infrastuktur mitigasi banjir. Memandangkan banjir adalah masalah berulang yang membawa kemusnahan harta dan nyawa berulang, projek infrastruktur mitigasi banjir perlu didahulukan dan diberi prioriti. Kerajaan wajar:-
  - 5.2.1. mempertimbangkan pelaksanaan kaedah pendanaan *Public-Private Partnership* (PPP); atau
  - 5.2.2. mempertimbangkan penggunaan kredit; untuk mengatasi kekangan kewangan dalam melaksanakan projek infrastruktur besar berkenaan mitigasi bencana banjir.
- 5.3. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pemantauan Projek bagi memantau kemajuan setiap projek yang dilaksanakan. Pegawai kewangan juga perlu dilibatkan dalam jawatankuasa ini untuk memastikan bahawa pengurusan kewangan dan pelaksanaan projek berjalan dengan telus dan mengikut jadual yang ditetapkan.

## **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

- 5.4. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk menambahbaik kontrak pembinaan projek infrastruktur seperti berikut:
  - 5.4.1. Syarat-syarat kontrak perlu dinyatakan dengan teliti agar tindakan boleh diambil terhadap pihak kontraktor yang gagal menyiapkan projek dalam jangka masa yang ditetapkan.
  - 5.4.2. Syarat-syarat kontrak perlu ditambahbaik supaya agensi berkaitan diberi kuasa untuk memasuki kawasan projek untuk menjalankan kerja-kerja kecemasan ataupun mengambil alih kawasan projek sepenuhnya untuk kepentingan awam, contoh dalam keadaan di mana kontraktor tidak menjalankan tanggungjawabnya dan di mana kerja yang tidak siap memudaratkan kawasan sekeliling.
  - 5.4.3. Semua ahli lembaga pengarah syarikat kontraktor yang berjaya mendapat tender projek kepentingan awam seperti projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) perlu menandatangani Surat Aku Janji bagi memastikan mereka menyiapkan pembinaan projek tersebut pada jadual yang ditetapkan dalam tender. Surat Aku Janji tersebut juga wajar menyatakan kesan dalam keadaan di mana tanggungjawab yang dinyatakan tidak ditunaikan.
- 5.5. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk meletakkan syarat bagi setiap projek pembangunan, sama ada infrastruktur kerajaan atau pembangunan swasta, perlu membina dan melengkapkan sistem saliran dahulu sebelum memulakan kerja-kerja pembangunan supaya ianya tidak akan memberi kesan negatif kepada kawasan persekitaran dan mengelakkan berlakunya masalah banjir atau pencemaran sistem saliran di kawasan sekitarnya.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

- 5.6. Bagi menyelesaikan masalah bidang kuasa:-
- 5.6.1. Jawatankuasa menyarankan agar Pegawai Daerah memainkan peranan dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan bidang kuasa, khususnya dalam menangani isu pertindihan kuasa antara agensi/jabatan, isu parit yang tidak bertuan dan isu parit persendirian.
  - 5.6.2. Mewujudkan satu jawatankuasa/badan kerajaan yang bertanggungjawab khususnya untuk memantau pembangunan, penambahbaikan, penyelenggaraan semua sistem dan aset peparitan di negeri Selangor.
  - 5.6.3. Kerajaan Negeri menjalankan kerja-kerja *mapping* secara digital untuk parit dan longkang seluruh negeri dengan menyatakan dengan jelas tuan punya setiap satunya.
- 5.7. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan penambahan kakitangan agensi/jabatan dengan berpandukan keperluan agensi/jabatan untuk memastikan prestasi pengurusan masalah banjir ditambahbaik. Terutamanya penambahan pegawai bagi jawatan yang bertanggungjawab untuk memantau, menyelenggara dan pembersihan di tapak.
- 5.8. Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri mengadakan kempen kesedaran risiko banjir untuk meningkatkan kesedaran di kalangan penduduk mengenai tanggungjawab mereka dalam menangani risiko banjir. Contohnya, kesan pembuangan sampah ke dalam longkang kawasan perumahan yang boleh menjadi punca banjir.
- 5.9. Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri mengkaji semula dan menaik taraf parit mengikut kesesuaian spesifikasi untuk menampung taburan hujan yang semakin meningkat akibat perubahan iklim.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

- 5.10. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri agar spesifikasi tugas pembersihan aset-aset saluran seperti parit, kolam takungan, anak sungai perlu dirangka dengan lebih terperinci dan jelas. Spesifikasi tugas pembersihan harus menyatakan pembersihan, pengorekkan dan pengembalian aset-aset saluran kepada kedalaman asal.
- 5.11. Jawatankuasa menyarankan agar Unit Pengurusan Bencana untuk memperluaskan skop tugas mereka dengan mengambil kira aspek langkah-langkah mitigasi banjir, selain daripada tertumpu kepada kerja-kerja penyelamatan.
- 5.12. Jawatankuasa menyarankan agar Pihak Berkuasa Tempatan dan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) agar
- 5.12.1. mengambil kira risiko bencana banjir sebagai faktor utama sebelum memberikan kelulusan pembangunan baharu; dan
- 5.12.2. ulasan-ulasan yang diberikan oleh agensi/jabatan mengenai projek baharu perlu diambil kira sebelum meneruskan pembinaan projek.
- 5.13. Jawatankuasa menyarankan agar Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi seluruh bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Pelaksanaan RKK adalah penting untuk memastikan bahawa setiap projek pembangunan dipantau dan dirancang dengan teliti dengan mengambil kira aspek perancangan bandar yang teratur, pengurusan sumber alam, serta mematuhi garis panduan yang ditetapkan bagi memastikan kesesuaian dan kelestarian pembangunan di kawasan tersebut.
- 5.14. Jawatankuasa juga menyarankan Kerajaan untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi kawasan yang bersempadan dengan negeri lain bagi menyelesaikan masalah bidang kuasa dan isu banjir yang berbangkit.



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

**6. PERAKUAN**

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi / individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincang dan diluluskan oleh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Air, Pertanian, Infrastruktur Dan Mobiliti (JPK-INFRAAGRO) Bil. 1/2025 pada 7 Januari 2025.

Disahkan oleh:



.....  
**Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze**

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Air,  
Pertanian, Infrastruktur Dan Mobiliti (JPK-INFRAAGRO) Negeri Selangor  
Dewan Negeri Selangor Kelima Belas

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Air, Pertanian, Infrastruktur Dan Mobiliti (JPK-INFRAAGRO):

- |    |  |           |
|----|--|-----------|
| 1) | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze<br>(N31 Subang Jaya)               | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri<br>(N46 Pelabuhan Klang)        | Ahli      |
| 3) | Y.B. Tuan Leong Tuck Chee<br>(N47 Pandamaran)                    | Ahli      |
| 4) | Y.B. Tuan Muhammad Izuan Bin Ahmad Kasim<br>(N39 Kota Damansara) | Ahli      |
| 5) | Y.B. Tuan Nushi Bin Mahfodz<br>(N24 Semenyih)                    | Ahli      |
| 6) | Y.B. Tuan Jefri Bin Mejan<br>(N11 Ijok)                          | Ahli      |
| 7) | Y.B. Tuan Mohd Rafiq Bin Mohd Abdullah<br>(N13 Kuang)            | Ahli      |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

**URUS SETIA**

- |    |  |                                 |
|----|--|---------------------------------|
| 1) | Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar   | Setiausaha Bahagian (Dewan)     |
| 2) | Encik Ahmad Fuad Hilmi bin Muhamad     | Penolong Setiausaha (Dewan)     |
| 3) | Puan Nurul Liana Binti Musa            | Penolong Pegawai Tadbir (Dewan) |
| 4) | Encik Ahmad Faiz Bin Mustafa Amirrudin | Pegawai Penyelidik Kanan        |
| 5) | Cik Sarmila A/P A.Viseinthiran         | Penyelidik Pejabat Speaker      |



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

**Lampiran 1**

**Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak**

- 1) Encik Muhamad Amin bin Azam Penolong Pegawai Daerah
- 2) Tuan Ts. Mohamad Shahrul Amrie bin Shafehardin Timbalan Jurutera Daerah

**Pejabat Daerah Dan Tanah Klang**

- 1) Tuan Amri bin Ismail Pegawai Daerah
- 2) Puan Nik Azlina binti Nik Mohamad Ravi Penolong Pegawai Daerah
- 3) Encik Mohd Elmi Syafiq bin Abdul Rahman Penolong Pegawai Daerah

**Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)**

- 1) Tuan Ir. Ts. Mohd Fazrul Syamel bin Hasan Jurutera
- 2) Encik Muhammad Haikal Penolong Jurutera

**Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Klang**

- 1) Encik Ahmad Faizal bin Ahmad Tarmizi Timbalan Jurutera Daerah

**Jabatan Kerja Raya Daerah Klang**

- 1) Encik Muhammad Hakimie bin Abdul Hamid Jurutera Fasiliti (JKR Daerah Klang)
- 2) Encik Mohamad Sufian Darus Penolong Jurutera Awam

**Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling**

- 1) Tuan Huzunul Khaidil Bin Mohammed Pegawai Daerah
- 2) Encik Khairul Fahmi bin Juair Penolong Pegawai Daerah

**Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Petaling**

- 1) Tuan Ir. Mohd Shahril bin Mohd Jurutera Daerah

**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

- 1) Encik Ismail bin Shafie Timbalan Setiausaha (Pembangunan)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

**Lampiran 1**

**Majlis Bandaraya Subang Jaya**

- 1) Encik Azfarizal bin Abd. Rashid
- 2) Encik Shaifullah bin Yahya

**Majlis Bandaraya Shah Alam**

- 1) Tuan Ir. Mohd Fadhli bin Azizi

**Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat**

- 1) Dato' Mohd Jusni bin Hashim Pegawai Daerah
- 2) Puan Kristin Shamimi bin Nedunchelian Ketua Penolong Pegawai Daerah

**Majlis Perbandaran Kajang**

- 1) Encik Asfazly bin Hamzah Jurutera

**Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Langat**

- 1) Encik Mohd Azizan bin Ajimin Jurutera Daerah
- 2) Mad Sabtu Kasmawi Penolong Jurutera

**Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Langat**

- 1) Encik Razmann bin Abdul Rashid Jurutera

**Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat**

- 1) Y.M. Tengku Rohana binti Tengku Nawawi Pegawai Daerah
- 2) Encik Sharom Nizam bin Abdul Aziz Penolong Pegawai Tadbir

**Majlis Perbandaran Kuala Langat**

- 1) Encik Zulkefli bin Mohd Arif

**Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Langat**

- 1) Encik Epyzul Akmal bin Mohd Shahali Jurutera Daerah

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

**Lampiran 1**

**Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang**

- |                           |                               |
|---------------------------|-------------------------------|
| 1) Encik Hazlim bin Hapaz | Ketua Penolong Pegawai Daerah |
|---------------------------|-------------------------------|

**Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sepang**

- |  |                 |
|--|-----------------|
| 1) Ts. Mohammad Hakim bin Dato' Hasnul | Jurutera Daerah |
|--|-----------------|

**Unit Pengurusan Bencana**

- |  |                           |
|--|---------------------------|
| 1) Encik Mohd Azhar bin Mohd Daud            | Ketua Penolong Setiausaha |
| 2) Encik Muhammad Izzat Haziq bin Mohd Nazir | Penolong Setiausaha       |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

**Lampiran 2**

<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>AGENSI</b>
22 Oktober 2024 (Bil. 17/2024)	Sesi Taklimat 1	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (JPS)
6 Disember 2024 (Bil. 18/2024)	Sesi Taklimat 2	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam</li> <li>2. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sabak Bernam</li> <li>3. Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor</li> <li>4. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor</li> <li>5. Majlis Perbandaran Kuala Selangor</li> <li>6. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Selangor</li> <li>7. Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak</li> <li>8. Pejabat Daerah Dan Tanah Klang</li> <li>9. Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)</li> <li>10. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Klang</li> <li>11. Jabatan Kerja Raya Daerah Klang</li> </ol>
9 Disember 2024 (Bil. 19/2024)	Sesi Taklimat 3	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling</li> <li>2. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Petaling</li> <li>3. Majlis Bandaraya Petaling Jaya</li> <li>4. Majlis Bandaraya Subang Jaya</li> <li>5. Majlis Bandaraya Shah Alam</li> <li>6. Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat</li> </ol>



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

		<ol style="list-style-type: none"><li>7. Majlis Perbandaran Kajang</li><li>8. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Langat</li><li>9. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Langat</li><li>10. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat</li><li>11. Majlis Perbandaran Kuala Langat</li><li>12. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Langat</li><li>13. Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang</li><li>14. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sepang</li><li>15. Unit Pengurusan Bencana</li></ol>
--	--	--

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

Lampiran 3

**Senarai kawasan banjir yang diberikan oleh ADN kawasan, yang didapati tiada dalam senarai kawasan hotspot banjir dan kawasan risiko banjir yang disenaraikan oleh pihak JPS, PBT dan PDT.**

No.	ADN Kawasan	Kawasan Yang Tidak Disenaraikan
1.	YB Paya Jaras	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jalan Gajah 1, Kampung Kubu Gajah</li> <li>b. Jalan Gajah 5, Kampung Kubu Gajah</li> <li>c. Jalan Gajah 6, Kampung Kubu Gajah</li> <li>d. Jalan Gajah 15, Kampung Kubu Gajah</li> <li>e. Jalan Gajah 16, Kampung Kubu Gajah</li> <li>f. Jalan Gajah 20, Kampung Kubu Gajah</li> <li>g. Jalan Gajah 23, Kampung Kubu Gajah</li> <li>h. Jalan Gajah 24, Kampung Kubu Gajah</li> <li>i. Lorong 5, Kampung Merbau Sempak</li> <li>j. Lorong 6, Kampung Merbau Sempak</li> <li>k. Lorong 9, Kampung Merbau Sempak</li> <li>l. Lorong 10, Kampung Merbau Sempak</li> <li>m. Lorong 11, Kampung Merbau Sempak Tambahan</li> <li>n. Jalan Teratai 1, Kampung Paya Jaras Hilir</li> <li>o. Jalan Mawar 1, Kampung Paya Jaras Hilir</li> <li>p. Jalan Mawar 2, Kampung Paya Jaras Hilir</li> <li>q. Jalan Rahidin 1, Kampung Paya Jaras Hilir</li> <li>r. Kawasan Perumahan Saujana Perdana, Mukim Ijok, Kuala Selangor</li> <li>s. Kawasan SRA Zahidiah, Kampung Melayu Sungai Buloh</li> </ul>
2.	YB Kuang	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kampung Gombak</li> </ul>

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

3.	YB Bukit Lanjan	a. Kampung Kepong Ulu ( Jalan 1A)
4.	YB Sungai Burong	a. Pekan Tanjong b. Jalan FR5 (Laluan utama di Pekan Tg Karang)
5.	YB Dusun Tua	a. Kampung Jawa Batu18 b. Sungai Serai Batu11 c. Kampung Melaka Batu 9 Cheras d. Kampung Batu 10 Cheras ( Jalan Nuri, Puyuh ) e. Kampung Tanjung Semenyih (Jalan Tanjung Setia) f. Kampung Batu 3 Jalan Bangi (Jalan Bunga Raya 2) g. Kampung Sesapan Kelubi h. Kampung Bukit kepong i. Kampung Sungai Purun
6.	YB Kajang	a. Kg Sg Kantan b. Taman Sri Langat, Jln Reko c. Tmn Bangi, Jln Reko d. Tmn Hijau, Jln Reko e. Tmn Sri Reko, Jln Reko f. Desa Seroja, Jln Reko g. Tmn Mahkota, Jln Reko h. Tmn Pasir Emas i. Kg Sg Jerni
7.	YB Sentosa	a. Taman Sentosa b. Taman Bendahara c. Taman Maznah d. Bandar Botanik semua Precint e. Bandar Bukit Tinggi
8.	YB Sungai Kandis	a. Kampung Lombong b. Kampung Jawa

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

		<ul style="list-style-type: none"> <li>c. Andalas</li> <li>d. Johan Setia</li> <li>e. Keseluruhan Jalan Kebun dan</li> <li>f. Rabingan dan Rajiun</li> <li>g. Sungai Jati ke Connought Bridge</li> <li>h. Bukit Naga</li> <li>i. Jalan Gambut</li> </ul>
9.	YB Balakong	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Taman Sungai Chua</li> <li>b. Taman Kajang Baru</li> <li>c. Taman Pasir Emas</li> <li>d. Taman Muhibbah</li> <li>e. Kampung Sri Jambu</li> </ul>
10.	YB Pelabuhan Klang	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kampung Idaman</li> <li>b. Kampung Pandamaran Jaya</li> </ul>

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

Lampiran 4

**MAKLUMAT DARIPADA JPS, PBT DAN PDT MENGENAI KAWASAN HOTSPOT, KAWASAN RISIKO BANJIR, PUNCA BANJIR, INFRASTRUKTUR MITIGASI, PERUNTUKAN UNTUK PROJEK**

**DAN**

**DATA TABURAN HUJAN DARIPADA JABATAN METROLOGI MALAYSIA  
(MET MALAYSIA)**



<https://ls.selangor.my/83tbHL>

Kata laluan: DNS-Infragro#2025

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

Lampiran 5


Maklumat Taburan Hujan Tahun 2023

<b>REKOD PURATA TABURAN HUJAN BULANAN TAHUN 2023</b>												
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dis
<b>Klang</b>	215	159	221	151	159	98	133	213	237	303	264	389
<b>Petaling</b>	215	212	299	264	216	137	187	199	155	388	337	450
<b>Gombak</b>	160	198	230	291	182	189	160	213	214	399	335	345
<b>Hulu Langat</b>	165	209	135	224	151	110	188	149	138	296	294	216
<b>Kuala Langat</b>	227	103	134	148	99	162	185	217	184	169	163	427
<b>Sepang</b>	206	179	168	188	148	98	315	170	178	176	219	347
<b>Kuala Selangor</b>	131	78	122	131	151	106	151	88	157	195	142	289
<b>Hulu Selangor</b>	208	179	206	221	174	147	124	174	229	469	292	205
<b>Sabak Bernam</b>	159	127	162	130	80	132	130	126	156	224	125	299
<b>Purata Hujan (mm)</b>	<b>187</b>	<b>160</b>	<b>186</b>	<b>194</b>	<b>151</b>	<b>131</b>	<b>175</b>	<b>172</b>	<b>183</b>	<b>291</b>	<b>241</b>	<b>330</b>

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRA) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2025 BERHUBUNG DENGAN ISU BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

Lampiran 5

**Maklumat Taburan Hujan Tahun 2024**



**REKOD TABURAN HUJAN BULANAN  
TAHUN 2024**

	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEPT	OKT	NOV	DIS
KLANG	287	94	167	287	226	129	116	187	224	167	395	265
PETALING	257	213	317	273	324	190	102	240	183	217	336	266
GOMBAK	184	141	234	314	326	201	94	374	151	304	310	233
HULU LANGAT	93	176	190	183	294	233	135	267	197	238	272	232
KUALA LANGAT	244	47	93	118	222	131	192	207	222	115	297	243
SEPANG	125	115	139	168	218	230	142	244	182	140	271	191
KUALA SELANGOR	180	96	114	140	167	137	84	253	136	156	238	190
HULU SELANGOR	110	95	156	233	291	197	108	276	176	279	305	233
SABAK BERNAM	159	78	110	94	139	104	104	143	161	154	211	132
<b>JUMLAH (mm)</b>	<b>182</b>	<b>117</b>	<b>169</b>	<b>201</b>	<b>245</b>	<b>172</b>	<b>120</b>	<b>244</b>	<b>181</b>	<b>197</b>	<b>293</b>	<b>221</b>